



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

ENVY IS A DISEASE OF SHAITAN
HASAD ADALAH PENYAKIT BERPUNCA DARI SYAITHAN

*Assalamu Alaykum wa Rahmatullah wa Barakatuh,
Anzu Billahi Minashaytanir Rajeem. Bismillahir Rahmanir Rabeem,
Wassalatu Wassalamu ala Rasulina Muhammadin Sayyidul Anwalin wal Akhirin,
Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi RasuLillah, Madad Ya Mashayikhina,
Sheykh Abdullah Daghestani, Sheykh Nazim al-Haqqani. Dastur.
Tariqatunas sobba, wal khayru fil jamiyya.*

Hasad dengki adalah perwatakan Shaitan. Hasad adalah dalam bahasa Arab.. Ini bermakna kita dengki terhadap orang lain dan tidak mahu dia memperolehi sesuatu. Ini adalah satu ciri yang tidak baik. Jika seseorang mempunyai hasad dalam diri mereka, seluruh kehidupan mereka akan merana. Ini adalah kerana mereka tidak boleh terima jika orang lain memperolehi sesuatu dan dia penuh dengan hasad dengki. “Mereka ada saya tiada. Maka mereka seharus nya tiada.”

Ini adalah penyakit bukan masalah perwatakan. Orang harus mengubati nya. Sekurang kurang nya, mereka harus berkata, “Mereka memiliki nya dan saya juga boleh memperolehi nya. .” Allah Azza wa Jalla amat berbelas kasihan dan memberi kepada semua orang.

Jika anda di landa dengan hasad dengki, ia akan memakan diri anda dan seluruh hidup mu akan mengalami kepahitan. Misalan nya para guru agama amat berhasad dengki antara satu sama yang lain, walaupun mereka mengajar tentang firman firman Allah. Malang nya bila ego hawa nafsu tidak dapat di tunduki, maka ego menjadi tunggangan kita dan seluruh kehidupan kita aka binasa seperti hidup dalam neraka dan mereka akan mengalami keperitan dan kesengsaraan. Maka hasad dengki bukan lah perkara yang indah dan anda harus mengikis nya dan selamatkan diri anda.

Jangan memberi ruang kepada perasaan hasad dan dengki. Dengan azam, anda harus berkata “Ini perkara yang tidak baik” dan anda harus menepes nya. Jika ia mula bersarang ia akan menular dan membunuh orang itu. Dan orang itu akan mencederakan orang lain. Allah berfirman dalam Surah al falaq :

وَمِنْ شَرِّ حَاسِدٍ إِذَا حَسَدَ

“Wamin sharri haasidin itha hasad.” (Sura Falaq:5) makna nya “Moga Allah lindungi kita dari kejahatan orang yang berhasad” Allah Azza wa Jalla telah menunjuk



Sofbats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

kepada kita dalam Sura Falaq bahawasanya hasad adalah tidak baik dan ia adalah suatu kejahatan. Tiada kebaikan dalam nya dan ia akan mengundang kejahatan.

Na'udzubillah min dzalik. Moga Allah melindungi kita dari orang orang yang berhasad. Moga Allah lindungi kita dari kejahatan mereka.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
26. December 2016/26 Rabiul Awwal 1438
Sabah Namaz, Akbaba Dargah